

Nik Aziz akan buru Dr. Hamid 'hingga ke lubang cacing'

UM - 1 SEP 2002

KUALA LUMPUR 31 Ogos — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, beliau akan memburu Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman 'hingga ke lubang cacing' selagi Penasihat Agama kepada Perdana Menteri itu tidak mengakui sifat Allah menyamai sifat manusia.

Tegasnya, desakan banyak pihak mahukan beliau bertaubat kerana mengaitkan Allah sebagai samseng, penjahat dan penipu bukan persolannya sekarang.

Kata beliau, ini kerana penyelesaian isu kontroversi 'Allah samseng' itu kini terletak di tangan Abdul Hamid kerana pernah mengaku sifat Tuhan menyerupai sifat manusia.

"Bola (penyelesaian isu Allah samseng) kini di tangan Abdul Hamid.

"Saya akan buru dia (Abdul Hamid) hingga ke lubang cacing selagi dia masih enggan mengakui sifat Allah serupa dengan sifat manusia," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di Kota Bharu hari ini.

Beliau mengulas tindakan Majlis Tertinggi (MT) UMNO semalam memberi kata dua kepa-

danya supaya bertaubat kerana menyamakan sifat Allah dengan manusia atau menghadapi tindakan daripada kerajaan.

Menurut Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, UMNO berpendapat tindakan Nik Abdul Aziz yang mengaitkan Allah dengan samseng, penipu dan penjahat maha besar sebagai sudah melampaui batas.

Kepercayaan

Tegas Dr. Mahathir, isu itu juga sudah tidak boleh dianggap sebagai satu perkara politik kerana ia menyentuh soal kepercayaan umat Islam di negara ini.

Menurut Nik Abdul Aziz lagi, beliau hairan kerana Abdul Hamid masih 'tidak tahu' menterjemahkan sifat Allah menyamai sifat manusia.

Malah, katanya, apabila dia menterjemahkan sifat Tuhan menyerupai manusia, ia dianggap menghina pula.

"Ha, sekarang biar Abdul Hamid terjemahkan dengan perkataan Melayu mana dia sifat Allah

yang dikatakan tidak bersifat manusia," katanya.

Nik Abdul Aziz mendakwa, penglibatan UMNO dalam isu 'Allah samseng' secara tidak langsung menunjukkan parti itu mengakui agama tidak boleh dipisahkan dengan politik.

Tegasnya: "Dulu dia (UMNO) kata politik lain, agama lain, kini dia kenal erti dosa," katanya.

Abdul Hamid baru-baru ini meminta Nik Abdul Aziz bertaubat kerana menyamakan sifat buruk manusia dengan Allah yang dianggap kesalahan besar dalam akidah Islam apabila memanggil Allah samseng.

Kata Abdul Hamid: "Dia mungkin berpegang dengan satu mazhab yang ditolak oleh Ahli Sunah Waljamaah yang mengambil kira maksud batin dan bukannya zahir yang dilafazkan."

Nik Abdul Aziz dalam ceramahnya di Kelantan sebelum ini merujuk Allah sebagai lebih samseng daripada segala manusia di dunia dengan mengambil tiga sifat-Nya iaitu Al-Mutakabbir, Al-Jabbar dan Al-Muttaqin.